



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 2 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	63,000KG OF FISH FOOD SEIZED AT PORT KLANG, NEWS, NST -12 63 TAN MAKANAN IKAN DISELUDUP DARI OMAN DIRAMPAS, HM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	MILIKI KARKAS LEMBU TIDAH SAH, PENIAGA DIDENDA RM2,000, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6.	NELAYAN DITAHAN GUNA PUKAT RAWA SORONG TANPA LESEN, NEGARA, KOSMO -15 NELAYAN DITAHAN GUNA PUKAT RAWA SORONG TANPA LESEN, DALAM NEGERI, UM -31 IKAN AIR TAWAR SEMAKIN PUPUS, FORUM, UM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	LKIM HENTI GUNA PEKERJA ASING, DALAM NEGERI, UM -5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9. 10.	AGROBANK TAK PERNAH LULUS PEMBIAYAAN KEBUN DURIAN TANAH HARAM, NASIONAL, BH -21 AGROBANK TAK PERNAH LULUS PEMBIAYAAN, LOKAL, HM -21 AGROBANK TIDAK LULUS PEMBIAYAAN KEBUN DURIAN DI TANAH HARAM, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -10	AGROBANK
11. 12. 13. 14. 15. 16.	'IKUT UNDANG-UNDANG, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -10 SEWAKAN TANAH KEPADA KAMI, KATA PEKEBUN, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -10 RPDR-PKPP PERJELAS ISU PENDUDUK TANAH, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -10 WUJUDKAN PERANTIS PROFESIONAL PERTANIAN, FORUM, UM -18 PETANI HARAM PERLU PATUH UNDANG-UNDANG, DALAM NEGERI, UM -5 FIRM CLEARS AIR ON DURIAN LAND ISSUES, NATION, NST -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## 63,000kg of fish food seized at Port Klang

**PORT KLANG:** The Selangor Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) seized 63,000kg of fish food worth RM240,000 at the MAQIS entrance in West Port near here on Monday. The department's director, Dr Tarmisal Alimin, said the fish food was confiscated after an inspection was done on two containers imported from Oman. "When checks were conducted, we found two types of fish food which were brought in without import permits issued by MAQIS." He said the containers had since been seized and the case was being investigated in accordance with Section 11 (1), Malaysian Quarantine Services and Inspection Act 2011 (Act 728). If convicted, the offenders could be fined not more than RM100,000 or jailed for a term not exceeding six years or both.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## 63 tan makanan ikan diseludup dari Oman dirampas



MAKANAN ikan yang diimport dari Oman di Pelabuhan Klang Barat, Selangor, Isnin lalu. FOTO ihsan MAQIS

SEBANYAK 63 tan makanan ikan yang diimport dari Oman bernilai RM240,000 dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor selepas menahan dua kontena di Pelabuhan Klang Barat, Selangor, Isnin lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, ketika pemeriksaan dilakukan terhadap dua kontena berkenaan, terdapat dua jenis makanan ikan yang dibawa masuk tanpa permit import sah.

tan) dan bernilai RM240,000.

"Hasil rampasan itu dianggarkan seberat 63,000 kilogram (63

"Dua kontena terbabit disita untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, MAQIS akan sentiasa memastikan ketelitian dan kecekapan bagi setiap pemeriksaan yang dilaksanakan untuk semua keluaran pertanian yang diimport ke negara ini.

"Ia bertujuan bagi menjamin setiap keluaran pertanian yang dibawa masuk ke negara ini tiada perosak dan penyakit serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan kerajaan," katanya.

## Miliki karkas lembu tidak sah, peniaga didenda RM2,000

**SELAYANG** – Padah memiliki karkas (bahagian badan) lembu seberat 361 kilogram (kg) yang tidak sah fahun lalu, seorang peniaga didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan menjatuhkan hukuman denda itu terhadap Azzamuddin Ishak, 46, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas lelaki itu mengaku salah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya.

Mahkamah turut memerintahkan Azzamuddin di penjara sebulan lagi sekiranya gagal membayar jumlah denda itu. OKS membayar jumlah denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Azzamuddin didakwa memiliki karkas lembu yang tidak disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau rumah penyembelihan yang dilesenkan dengan melanggar peruntukan dibawah Kaedah 5(3), Kaedah-kaedah Binatang (kawalan penyembelihan) 2009 Akta Binatang 1953.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bangsal penyembelihan di Sungai Bakau, Rawang di sini pukul 5.30 pagi pada 13 Oktober 2019.

Berikutan itu pertuduhan dikemukakan mengikut kaedah 2(a), (b), Kaedah-kaedah Binatang (kawalan penyembelihan) (pindaan) 2018 yang memperuntukkan denda maksimum RM10,000 jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, Mohammad Firdaus Mat Ludin memohon mahkamah mengenakan huku-



**AZZAMUDDIN**

### Karkas lembu

- Bahagian badan ternakan yang telah disembelih, dibersihkan dan dipotong kepada beberapa bahagian
- Biasanya akan dipotong kepada empat bahagian
- Dipotong kepada bahagian kecil jika ada permintaan dari pembeli

man berat sebagai pengajaran dan orang lain agar tidak melakukan kesalahan sama.

Bagaimanapun Azzamuddin yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah mengenakan denda minimum atas alasan baru memulakan perniagaan dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian sepasukan JPV membuat serbuan di bangsal milik OKS di Sungai Bakau.

Hasil pemeriksaan, didapati dia memiliki karkas lembu seberat 361 kg, tujuh bilah pisau, dua bilah parang, dua bilah pengasah dan satu unit alat timbang.

## Nelayan ditahan guna pukat rawa sorong tanpa lesen

**GEORGE TOWN** - Hasrat tiga nelayan tempatan termasuk seorang tekong meraih hasil tangkapan harian mereka terbantut apabila ditahan pasukan Maritim Malaysia (APMM) pada kedudukan 1.4 batu nautika barat laut Pulau Sayak, Kedah semalam.

Mereka terdiri lelaki berusia 23, 24, dan 44 tahun itu ditahan dalam Ops Pertiwi/Ops Benteng di sekitar perairan Pulau Pinang kira-kira pukul 4 pagi.

Ketika ditahan, nelayan terbit sedang leka menangkap ikan menggunakan bot rawa sorong dan terdapat pelbagai spesies

ikan serta hasil laut bercengkerang berada di atas bot berkenaan.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, nelayan terbabit disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tanpa lesen yang sah.

"Mereka telah guna peralatan pukat rawa sorong untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan dan menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menang-

kap ikan) 1980", katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, APMM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang perairan negara.

Tambahnya, sekiranya terdapat sebarang aduan atau kecamasan di laut, orang ramai diminta untuk memberi kerjasama dengan memberi maklumat awam kepada APMM.

Mereka boleh hubungi di talian 24 Jam iaitu MERS 999 atau terus hubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang ditalian **04-263 6146** atau **04-264 3650**.



**TEKONG** bersama dua awak-awak ditahan APMM selepas disyaki menggunakan pukat rawa sorong semalam.

# Nelayan ditahan guna pukat rawa sorong tanpa lesen

**GEORGETOWN:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) negeri menahan tiga nelayan termasuk seorang tekong selepas disyaki menggunakan pukat tanpa lesen di kedudukan 1.4 batu nautika barat laut Pulau Sayak, Kedah semalam.

Nelayan tempatan berusia 23, 24 dan 44 tahun itu ditahan ketika sedang leka menangkap ikan di atas bot rawa sorong kira-kira pukul 4 pagi.

Pengarah Maritim negeri, Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, penahanan ke atas ketiga-tiga nelayan tempatan terba-

bit dijalankan dalam Op Pertiwi/Op Beniteng di sekitar perairan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot yang dinaiki seorang tekong bersama dua awak-awak itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 iaitu aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tanpa lesen yang sah.

"Mereka menggunakan peralatan pukat rawa sorong untuk menangkap ikan dan menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Me-

nangkap Ikan) 1980," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tegasnya, Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang perairan negara.

Beliau meminta orang ramai diminta memberi kerjasama dengan memberi maklumat lengkap sekiranya terdapat kecemasan atau aduan di laut kepada Maritim Malaysia melalui talian 24 Jam iaitu MERS 999 atau di Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang: 04-2626146 atau 04-264-3650.



**TEKONG** bersama dua awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Pulau Pinang selepas disyaki menggunakan pukat rawa sorong awal pagi semalam. - FOTO IHSAN MARITIM MALAYSIA

# Ikan air tawar semakin pupus

## SAUDARA PENGARANG,

**JABATAN** Perikanan bukan sahaja perlu memberi perhatian serius terhadap punca dan masalah kepupusan ikan di laut yang semakin membimbangkan, malah tumpuan sama juga hendaklah diberikan kepada ikan sawah atau ikan air tawar yang kian terancam dan sukar diperolehi ketika ini.

Ikan sawah seperti haruan, keli, puyu, lampam dan sepat yang sejak turun-temurun menjadi sumber protein murah bagi penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar semakin terjejas pemiakannya. Punca dikenal pasti akibat penggunaan racun yang tidak terkawal oleh pesawah selain ada dalam kalangan penangkap ikan tersebut menggunakan mata pukat bersaiz kecil, tuba dan kuasa elektrik.

Masalah menjadi lebih meruncing apabila berlaku pencemaran alam sekitar yang mengancam sistem pengairan melibatkan sungai dan sumber bekalan air kegunaan para pesawah. Antara penyumbanganya ialah pembuangan sisa toksik dan ancaman hakisan dari darat.

Penggunaan racun bertoksik tinggi, racun rumpal, baja kimia dan amalan sistem tabur terus juga memberi kesan kepada proses

pemiakan hidupan air tawar.

Di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) misalnya, para pesawah didapati menggunakan racun dari Thailand dan China yang diharamkan.

Bekas racun seperti botol dan plastik yang dibuang ke dalam saliran dan sungai lalu terus ke laut menyebabkan kawasan pantai turut tercemar dan mengancam tempat pembiakan siput dan kerang. Begitu juga aktiviti menuba ikan di tasik dan empangan jika tidak dibanteras, lama kelamaan lokasi tersebut akan ketandusan sumber hasil laut.

Justeru, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu bertindak mengatasi masalah ini bagi memulihkan dan mengekalkan sumber bekalan makanan untuk rakyat pada masa akan datang.

Golongan pesawah dan peladang perlu diberikan kesedaran melalui pengamajuan program tentang kesan penggunaan racun ke atas hidupan ikan air tawar. Akta Perikanan 1985 dan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan berterusan.

**ZULKIFLI BIN YUSUF**

Bayan Baru, Pulau Pinang



LKIM akan membuat 'pembersihan' warga asing di Kompleks LKIM Kemunting, Kuantan.

## LKIM henti guna pekerja asing

**KUANTAN:** Program 'pembersihan' warga asing yang dilaksanakan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kemunting di sini, bermula bulan ini merupakan langkah terbaik bagi menghentikan salah guna kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR).

Ini kerana Persatuan Nelayan Pahang (Pernepa) mendapati majoriti warga asing terutama Rohingya yang bekerja di situ menggunakan kad palsu.

Pengerusi Pernepa, Zulkiflee Md. Yusof berkata, ia bukan dakwaan sebaliknya dimaklumkan sendiri oleh warga asing yang memiliki kad berkenaan.

"Persatuan telah bertanya sendiri warga asing yang memiliki kad terbabit dan mereka maklumkan ia diperolehi daripada sindiket yang menjualnya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas tindakan LKIM negeri melaksanakan proses 'pembersihan' warga asing seperti Pasar Borong Selayang bagi memastikan hanya pekerja tempatan bekerja di situ.

Usaha pembersihan tersebut bagi memberikan suasana baharu yang lebih selesa, selamat dan kondusif di kompleks LKIM berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Pengerah LKIM negeri, Nazrulzam

Jamil berkata, terdapat 300 warga asing dikesan bekerja di situ sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lalu.

Menurutnya, majoriti warga asing yang bekerja di tapak pematian di atas jeti di situ adalah daripada etnik Rohingya selain warga Myanmar dan Bangladesh.

"Jun lalu, LKIM Pahang bersama Jabatan Imigresen memberi taklimat kepada tauke-tauke di kompleks tersebut berhubung pelaksanaan 'proses pembersihan' warga asing di situ.

"Kita memberikan tempoh kepada mereka sehingga hujung bulan ini bagi membersihkan warga asing di situ," katanya.



## Agrobank tak pernah lulus pembiayaan kebun durian tanah haram

**Pekan:** Agrobank Wilayah Pahang tidak pernah meluluskan permohonan pembiayaan kewangan kepada pekebun yang ingin mengusahakan tanaman durian di atas tanah haram di Sungai Ruar dan Kampung Chalit, Raub.

Pengarah Agrobank Wilayah Pahang, Safaruddin Samsuddin, berkata syarat utama untuk membuat pembiayaan bagi mengusahakan kebun ialah geran tanah yang dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG), tanpa dokumen itu pembiayaan tidak akan diluluskan pihaknya.

Katanya, isu pekebun durian tanah kerajaan termasuk hutan simpan mengusahakan kebun hasil wang pembiayaan Agrobank tidak berlaku kerana agensi berkenaan tidak pernah berkompromi.

“Agrobank tidak akan meluluskan pembiayaan pekebun yang ingin mengusahakan kebun durian Musang King termasuk projek pertanian lain di atas tanah kerajaan dan hutan simpan,” katanya.


PENASALIA kebun durian terlanjur di peltarangan Komplek. Maklumat oleh: Ushahata, sctmalan.

Oleh Mohd Rafi Manan  
an@metro.com.my

## MASALAH PENANAM DURIAN RAUB

**111 BOLEH  
MASUK  
KEBUN**

**Kesatuan**  
 Seorang pekebun durian di atas tanah haram di Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub. Sementara terhadap notis pengangkutan tanah kebun dan peltaran itu beberapa lokasi di sekitar Raub. Peltaran New Chong Jern yang merupakan pekebun.

 LAPORAN Harian Metro, 29 Ogos lalu.

## Agrobank tak pernah lulus pembiayaan

**Pekan:** Agrobank Wilayah Pahang tidak pernah meluluskan permohonan pembiayaan kewangan kepada pekebun ingin mengusahakan tanaman durian di atas tanah haram di Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub.

Pengarah Agrobank Wilayah Pahang, Safaruddin Samsuddin berkata, syarat utama membuat pembiayaan bagi mengusahakan kebun ialah geran tanah dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan tanpa dokumen itu, pihaknya tidak akan meluluskan pembiayaan.

Beliau berkata, isu pekebun durian di tanah kerajaan termasuk hutan simpan mengusahakan kebun hasil wang pembiayaan Agrobank tidak berlaku kerana agensi berkenaan tidak pernah berkompromi.

"Memang ada ramai pekebun durian Musang King serta tanaman lain membuat pembiayaan dengan Agrobank namun mereka mengusahakan kebun di tanah sendiri termasuk disewa.

"Bagi pekebun menyewa tanah, pihak terbabit perlu menyertakan surat kebenaran menyewa daripada pemilik tanah berkenaan.

"Sekiranya ada surat, barulah kelulusan akan dipertimbangkan," katanya.

Beliau berkata, setiap kali musim durian Agrobank



*Bagi pekebun menyewa tanah, pihak terbabit perlu menyertakan surat kebenaran menyewa daripada pemilik tanah berkenaan"*

**Safaruddin**

cawangan Sungai Ruan menerima ramai pelanggan membuat simpanan kewangan terdiri daripada pekebun raja buah itu.

Katanya, di Sungai Ruan dan Kampung Chalit ada ramai pekebun kelapa sawit, koko dan pisang dengan sebahagian daripada mereka pelanggan Agrobank.

"Kita sokong pekebun yang ingin membuat pembiayaan namun mereka perlu memenuhi syarat ditetapkan terutama membatalkan hak milik tanah.

"Agrobank tidak akan meluluskan pembiayaan pekebun yang ingin mengusahakan kebun durian Musang King termasuk projek pertanian lain di atas tanah kerajaan dan hutan simpan," katanya.

Beliau berkata, ada beberapa pelanggan di Sungai Ruan dan Kampung Chalit terdiri daripada syarikat terbabit dengan sektor pengeksportan durian Musang King sejuk beku ke China.

# 'Ikut undang-undang'

Menteri Besar Pahang tegaskan pekebun durian tidak ditindas

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**K**erajaan negeri Pahang tidak berniat menindas pekebun durian musang king di daerah Raub berhubung isu pengosongan tanah yang dite-roka secara haram sejak tahun 1980-an lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kerajaan negeri bertindak mengikut undang-undang tubuh kerajaan dan sewajarnya pekebun patuh dengan perintah pengosongan itu.

"Kita tidak berkompromi ke atas tanah yang diusahakan secara haram oleh pekebun terbahit walaupun kini tertanggung

selepas keputusan Mahkamah Tinggi baru-baru ini.

"Jadi, kita berharap kerjasama dapat diberikan oleh semua pihak terutama dalam kalangan pekebun haram itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kesemua 111 pekebun durian itu sebelum ini dilaporkan berjaya mendapat Perintah Pergantungan Sementara terhadap notis pengosongan tanah kebun dan pajakan mereka di beberapa lokasi di sekitar Raub pada 28 Ogos lalu.

Perintah itu dikeluarkan Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan, Datuk Zainal Azman Ab Aziz selepas mendengar hujahan daripada pemohon dan wakil responden berhubung tuntutan terbahit.

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata, sehingga permohonan tersebut didengar dan diputus-



WAN ROSDY

kan oleh Mahkamah Tinggi, kerajaan negeri terpaksa menanggung beban buat sementara kesemua tindakan bagi menguatkuasakan notis pengosongan berkenaan.

Pada 1 Ogos lalu, kerajaan Pahang mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan negeri.

Tindakan tersebut dilakukan berikutan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah daripada peneroka kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian di Raub yang terbahit ialah Hutan Simpan Gunung Beom, sekitar Sungai Roan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.

## Sewakan tanah kepada kami, kata pekebun

**KUANTAN** - Pekebun durian musang king meminta agar kerajaan negeri menyewakan tanah kepada mereka dan tidak menyerahkan kebun durian kepada Royal Pahang Durian Resources Sdn Bhd.

Majoriti pekebun terbahit menyifatkan tindakan oleh kerajaan negeri Pahang sebagai tidak adil kerana mereka sudah mengusahakan tanaman berkenaan sejak lebih 30 tahun lalu.

Seorang pekebun, Yap Ban Heng, 40, berkata, pekebun lebih berhak menguruskan tanaman kerana mempunyai pengalaman mengendalikan raja buah itu.

"Lebih baik bagi kami jika pekebun menguruskannya dengan menyewakan tanah serta



Pekebun merayu agar kerajaan Pahang menyewakan tanah kepada mereka untuk terus mengurangkan tanaman durian di beberapa kawasan di daerah Raub.

membayar cukai kepada kerajaan.

"Kami tidak mahu Royal Pahang menjadi orang tengah dan kenapa kerajaan menyerahkan tanah kepada syarikat yang tiada pengalaman?" soalnya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya lagi, kesemua peke-

bun akur dengan arahan kerajaan, namun ruang penyelesaian perlu ada bagi memastikan hasil tanaman menjadi milik mereka.

"Kami ingin perbincangan secara baik supaya dua pihak (pekebun dan kerajaan negeri) dapat hak selayaknya," kata beliau.

## Agrobank tidak lulus pembiayaan kebun durian di tanah haram

**KUANTAN** - Pihak Agrobank Wilayah Pahang mengesahkan tidak pernah meluluskan permohonan pembiayaan kewangan kepada pekebun yang mengusahakan tanaman durian di atas tanah haram di Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub.

Pengarahnya, Safaruddin Samsuddin berkata, syarat utama bagi membuat pinjaman itu dengan mengemukakan geran ta-

nah daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) terlebih dahulu.

Menurutnya, tanpa dokumen tersebut, bank itu tidak akan meluluskan sebarang pinjaman kepada pemohon.

"Ramai pekebun durian musang king dan pekebun pinjaman lain membuat pinjaman dengan kita, tetapi kita akan pastikan mereka mengusahakan kebun di atas tanah sendiri atau

yang disewa.

"Bagi pekebun yang mahu menyewa tanah, mereka perlu menyertakan surat kebenaran menyewa pemilik tanah," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah beliau, Agrobank cawangan Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub banyak menerima pelanggan melibatkan pekebun yang datang untuk membuat simpanan kewangan.

## RPDR-PKPP per jelas isu pendudukan tanah

**PETALING JAYA** - Pihak pengurusan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP) menafikan pelbagai dakwaan berhubung skim pengesahan pendudukan tanah yang diuruskan syarikat tersebut.

Menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan semalam, RPDR-PKPP tampil memberi penjelasan terhadap semua tuduhan berkenaan termasuk dakwaan bahawa syarikat terbahit mempunyai prestasi kewangan yang lemah.

Menurut kenyataan tersebut, kelemahan prestasi kewangan yang didakwa sebenarnya merujuk kepada Royal Pahang Durian Produce Sdn Bhd (RPDP) iaitu pemilik ladang durian seluas 400 hektar di Tras, Raub.

"Liabiliti yang ditunjukkan adalah jumlah hutang kepada pemegang saham yang telah menyuntik dana persendirian kepada syarikat sebagai pinjaman dengan tempoh matang selama enam tahun. Justeru, syarikat berkenaan masih belum mempunyai hasil jualan dan pendapatan," jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, RPDP menjangkakan memperoleh pendapatan pertama pada tahun 2022.

"Pelaburan pemegang saham jelas mencerminkan kekuatan kewangan syarikat, malah RPDP telah diberikan status pengecualian cukai selama 10 tahun oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2019," katanya.

Kenyataan itu turut menjelaskan, tiada pekebun yang menyokong skim pengesahan tidak tepat kerana ketika ini kira-kira 300 petani telah mendaftar.

"Seramai 133 orang daripadanya telah membuat pengesahan dan sebahagiannya membayar wang perolehan RM1,000 seekor iaitu sehingga RM10,000 bagi setiap pemohon yang melebihi 10 ekar tanah," katanya.

Menurut kenyataan itu, baki wang perolehan berdasarkan keputusan akhir juruukur berlesen perlu dibayar setelah menandatangani perjanjian akhir dengan RPDR-PKPP.

Jelas kenyataan itu, isu levi RM20,000 seekor yang didakwa terlampaui tinggi tidak timbul kerana jumlah yang ditedapkan merupakan jumlah



siling maksimum yang akan diterima RPDR-PKPP.

"Bayaran tersebut akan dikeluarkan Royal Pahang Durian Export Sdn Bhd iaitu syarikat perdagangan. Justeru, tiada penalti akan dikenakan sekiranya pekebun gagal memenuhi sasaran pengeluaran seperti dalam terma.

"Jika pekebun hanya menghasilkan 1,000 kilogram seekor atau kurang, RPDR-PKPP akan menerima RM10,000 seekor atau kurang.

"Bagaimanapun, skim pengesahan RPDR-PKPP mempunyai tugas memantau dan memastikan pekebun tidak melakukan penceroobahan berpangangan," jelasnya.

Jelas kenyataan itu, RPDR-PKPP turut menanggung kos operasi tahunan tetap merangkumi kos pentadbiran, kos kakitangan membabitkan lebih 150 orang, pengawasan lokasi perlindungan alam sekitar, pemantauan satelit untuk mengesan penceroobahan, kos permohonan dan penyelenggaraan pensijilan MyGAP, kos sewa, penilaian, cukai tanah dan sebagainya.

"Berhubung kadar sewaan RM6,000 per ekar seperti yang didakwa Save Musang King Alliance (Samka), RPDR-PKPP ingin menegaskan bahawa ia bayaran satu kali sahaja bagi tahun 2020.

"Bayaran itu terpakai untuk tanaman durian matang pada kira-kira 30 pokok per ekar. Sebagai balasan, pekebun dibenar memasarkan durian mereka secara terus di pasaran terbuka sehingga 31 Mei 2021.

"Keperluan menjual durian kepada Royal Pahang Durian Export Sdn Bhd berkuat kuasa bermula 1 Jun 2021.

"Bagi meringankan beban kewangan pekebun, RPDR-PKPP bersetuju dengan kaedah bayaran ansuran sama rata sebanyak tiga kali pada September dan Disember 2020 serta Mac 2021," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

## Wujudkan perantis profesional pertanian

### SAUDARA PENGARANG

**DALAM** keghairahan menuju status negara maju berasaskan teknologi dan perindustrian, tidak wajar jika kita mahu melupakan sektor pertanian secara total. Jelas dalam keadaan kritikal yang mana seluruh dunia dilanda pandemik Covid-19, isu keselamatan makanan timbul semula.

Kita seharusnya memperkasa semula polisi yang telah dirangka bagi memastikan negara tidak dilanda krisis makanan. Isu keselamatan makanan jika diamati dari lensa yang lebih besar mampu menjana ekonomi negara secara tidak langsung. Strategi serampang dua mata sudah semestinya diperlukan dalam menjayakan usaha ini.

Program perantis profesional amat sesuai dilaksanakan dengan diterajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta agensi-agensi berkaitan. Sudah tiba masanya insentif bersesuaian diberikan bagi menarik golongan profesional menceburi bidang pertanian. Kadangkala mereka bukan tidak berminat, namun kerenah birokrasi membantutkan hasrat.

Tanaman baharu yang diyakini mampu memacu ekonomi dapat direalisasikan oleh golongan profesional. Mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman mereka bagi mengangkat imej pertanian ke arah dimensi baharu.

Kita sudah terkenal dengan durian Musang King yang bersifat premium. Terdapat pelbagai lagi tanaman yang boleh dibeberi sekali gus merancakkan industri pertanian.

Negara mampu menjana ekonomi di samping menangani isu keselamatan makanan secara mapan. Kita tidak mahu sekiranya terjadi lagi perkara luar jangka seperti pandemik ini menjejaskan rantaian makanan dan ekonomi secara amnya.

Diharapkan syor ini mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak berkaitan agar satu polisi dan gerak kerja tuntas dapat dilaksanakan demi kebaikan semua.

**MOHD. FIRDAUS ABD MUNIR**  
Ketua Jabatan Bahasa MRSM Bentong



**PROGRAM** perantis pertanian amat sesuai dilaksanakan bagi menarik golongan profesional menceburi bidang itu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

2/9/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

5



WAN ROSDY WAN ISMAIL

## Petani haram perlu patuh undang-undang

**KUANTAN:** Tindakan tegas penguatkuasaan ke atas tanah-tanah diusahakan secara haram oleh pekebun-pekebun durian Musang King di Raub dekat sini bukan bertujuan memindas mereka yang terlibat.

Sebaliknya, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, tindakan itu dibenarkan dan pekebun terbabit sewajarnya menjadi warga yang patuh undang-undang dengan mengosongkan tanah kerajaan yang mereka duduki secara haram.

“Kerajaan negeri berharap kerjasama dapat diberikan oleh semua pihak terutama dalam kalangan petani-petani haram berkaitan penanaman durian Musang King di daerah Raub,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pada 1 Ogos lalu, Kerajaan Negeri Pahang mula bertindak tegas menangani kegiatan pekebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan dan kawasan hutan simpan.

Tindakan itu dilakukan berikutan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah dari kebun-kebun haram berkenaan.

Pada 28 Ogos lalu, Mahkamah Tinggi Kuantan membenarkan permohonan 111 pekebun haram di Raub membatalkan notis pengosongan tanah yang melibatkan kebun-kebun mereka yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Raub dan Jabatan Perhutanan Negeri

Pahang (JPNP).

Mengulas lanjut, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri terus bertegas tanpa kompromi dalam isu pekebun haram durian Musang King.

Jelasnya, sehingga permohonan tersebut didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, kerajaan negeri terpaksa menagguhkan buat sementara semua tindakan bagi menguatkuasakan notis pengosongan berkenaan sehingga 28 Oktober ini.



Some of the Raub durian farmers gathering in front of the Kuantan Court Complex last Friday after being issued eviction notices by the authorities. FILE PIC

#### RAUB DURIAN LEGALISATION SCHEME PROPOSAL

## FIRM CLEARS AIR ON DURIAN LAND ISSUE

'300 farmers in Raub have already registered for company's legalisation scheme, which is fair to them'

T.N. ALAGESH  
KUANTAN  
news@nst.com.my

**A**FTER being on the receiving end of its so called "exploitative contracts", Royal Pahang Durian Resources-PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP) decided yesterday to clear the air over the durian legalisation scheme proposal in Raub.

RPDR-PKPP, in a statement, said claims that none of the Raub farmers backed the legalisation scheme was untrue as so far, some 300 farmers had registered with the company.

"A total of 133 farmers have confirmed and partially paid the earnest money (deposit) of RM1,000 per acre (0.4ha). The balance will be paid after signing the agreement with RPDR-PKPP. The requirement for the earnest money is authorised by the Pahang state government."

On claims that farmers were required to pay a levy of RM6,000 per 0.4ha, RPDR-PKPP said it was a one-off payment only applicable for this year to farms with matured durian trees at 30 trees per acre.

"In return, the farmers are allowed to sell all their durians in the open market till May 31 next year."

"The legalisation scheme begins on June 1 next year and farmers will from then onwards have to sell the fruits to Royal Pahang Durian-Export Sdn Bhd.

"To help the farmers, RPDR-PKPP has agreed to divide the payment into three instalments, which will be paid this month, December and March next year."

The statement said claims that the legalisation company was financially weak referred to the Royal Pahang Durian Produce Sdn Bhd (RPDP), which is the owner

of a 1,000 acre durian farm in Tras, Raub.

"Shareholders have invested their own money into the farm through the company as a loan. The shareholders' investment reflects the financial strength of RPDP. RPDP was granted a 10-year tax exemption status by the Finance Ministry last year."

On claims that levy amounting to RM20,000 per acre was exorbitant, PDRP-PKPP said the amount was the maximum ceiling amount which RPDR-PKPP would receive.

"This RM20,000 per acre is based on our calculation (RM10 per kg x 2,000kg). There is no penalty if farmers do not meet the tonnage targets as per the term sheet. For example, if farmers can only produce 1,000kg or less per acre, RPDR-PKPP may potentially receive as low as RM10,000 per acre or less.

"Being the legalisation scheme company, RPDR-PKPP has been entrusted to ensure farmers do not commit further encroachments, prevent further degradation of the environment and comply with Malaysian Good Agricultural Practice requirements for certification."

RPDR-PKPP stressed that its proposed price of RM30 per kg for Grade A Musang King was fair, saying that assuming a farmer owns 10 acres of land, his minimum gross revenue based on 2,000kg per acre for grade A Musang King was expected to reach RM600,000.

"Based on independent verification, the production cost is about RM8 per kg and the farmers are assured of gaining a margin of more than 200 per cent.

"We remain open to discussions with farmers who have yet to register under the legalisation scheme and urge them to come forward," read the statement.